



PUSPANITA

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
CAWANGAN SABAH

Wisma PUSPANITA, Jalan Murai, Tanjung Aru,
Peti Surat No. 15311, 88863 KOTA KINABALU.
Tel.: 088-235266/235267 Faks: 088-241266

Rujukan: PCS/PS/100-1/002 JLD. 1/ (5)

Tarikh: 19 September 2011

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri/Persekutuan
Semua Pegawai Daerah/Daerah Kecil
Semua Pengerusi Jawatankuasa Kecil PUSPANITA Cawangan Sabah

Senarai Edaran Seperti Di Lampiran

Yang Berbahagia Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PROGRAM BENGKEL TARIAN KEBUDAYAAN 1MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, dimaklumkan bahawa PUSPANITA Cawangan Sabah akan mengadakan Program Bengkel Tarian Kebudayaan 1Malaysia pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 20 Oktober 2011 (Khamis)
Masa : 7.15 pagi – 5.00 petang
Tempat : Dewan Puspa Seri Faridah, Wisma PUSPANITA,
Jalan Murai, Tanjung Aru
Pakaian : Kemeja T (berkolar) dan seluar sukan panjang (*track bottom*)
berwarna gelap (hitam atau biru tua)

2. Sehubungan dengan itu, ahli-ahli PUSPANITA yang berminat untuk menyertai program ini diminta untuk melengkapkan Borang Pengesahan Kehadiran yang dilampirkan. Para peserta dikehendaki mengemukakan deposit berjumlah RM10.00 kepada Urus Setia PUSPANITA. Deposit akan dikembalikan setelah peserta mendaftarkan diri pada hari tersebut. Jumlah penyertaan adalah terhad kepada 100 orang peserta sahaja. **Setiap Jawatankuasa Kecil PUSPANITA Cawangan Sabah wajib mencalonkan sekurang-kurangnya dua (2) orang peserta walau bagaimanapun penyertaan lebih dari dua (2) orang adalah dialu-alukan.** Manakala Penyertaan daripada Cawangan Daerah/Daerah Kecil **hanya terhad** kepada dua (2) orang ahli sahaja bagi setiap Cawangan Daerah/Daerah Kecil. Kos perbelanjaan penyertaan daripada Cawangan Daerah/Daerah Kecil adalah ditanggung oleh Cawangan/ahli masing-masing. Ahli-ahli yang telah mengesahkan kehadiran hendaklah menunaikan tanggungjawab untuk hadir pada hari tersebut.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Aturcara, Objektif Program dan Borang Pengesahan Kehadiran untuk tindakan sewajarnya. Borang Pengesahan Kehadiran hendaklah dikembalikan pada atau sebelum 10 Oktober 2011 kepada:

Rujukan: PCS/PS/100-1/002 JLD. 1/ (5)

Tarikh: September 2011

- | | | | |
|-----|----------------------|---|------------------|
| 3.1 | Cik Diana Daria Amit | Tel: 088-260161
Samb. 197/
0138656636 | Faks: 088-288572 |
| 3.2 | Puan Helen Teo | Tel: 088-251530/225724
0168021938 | Faks: 088-254514 |
| 3.3 | Urusetia PUSPANITA | Tel: 088-236266/236267 | Faks: 088-241266 |

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”

“WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT”

Yang benar,



(DATIN HAJAH HAIRANI BINTI HUSSAINI)

Pengerusi
PUSPANITA Cawangan Sabah

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 6, Wisma Innoprise
88817 KOTA KINABALU

Lampiran

DHHH/fj

**PROGRAM BENGKEL TARIAN KEBUDAYAAN 1MALAYSIA
PADA 20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)
DEWAN PUSPA SERI FARIDAH, WISMA PUSPANITA,
JALAN MURAI, TANJUNG ARU**

OBJEKTIF:

1. Memberi peluang kepada ahli-ahli mempelajari tarian 1Malaysia yang terdiri daripada pelbagai tarian kebudayaan yang terdapat di Malaysia selaras dengan seruan Kerajaan yang menggalakkan semua Rakyat Malaysia mengetahui dan menghayati konsep 1Malaysia;
2. Memberi latihan asas gerak tari dan disiplin pelbagai tarian kebudayaan Malaysia bagi memudahkan ahli-ahli terutamanya pengerusi-pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa induk dan cawangan daerah/daerah kecil untuk mengambil bahagian/memberi sumbangan dalam acara-acara/majlis-majlis PUSPANITA peringkat Cawangan Negeri dan Kebangsaan apabila diperlukan dari semasa ke semasa;
3. Mengenalpasti ahli/peserta berbakat dan komited untuk menubuhkan kumpulan kebudayaan peringkat Induk/Kota Kinabalu yang aktif bagi tempoh jangka panjang dan berterusan.
4. Bagi peserta dari daerah/daerah kecil, pendekatan 'Training the trainer' akan membolehkan penubuhan kumpulan kebudayaan peringkat daerah/daerah kecil masing-masing dengan kos yang minimal sekiranya jurulatih adalah dari kalangan ahli PUSPANITA sendiri.

ATURCARA
BENGGEL TARIAN KEBUDAYAAN 1MALAYSIA
PADA 20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)
DEWAN PUSPA SERI FARIDAH, WISMA PUSPANITA, JALAN MURAI, TANJUNG ARU

A. Bengkel Tarian Kebudayaan 1Malaysia

Masa	Acara
7.15 – 7.45 pagi	- Pendaftaran peserta
	- Sarapan Ringan
7.45 – 8.00 pagi	- Taklimat bengkel
8.00 – 9.30 pagi	- Bengkel 1
9.30 – 11.00 pagi	- Bengkel 2
11.00 – 11.30 pagi	- Hi-Tea
11.30 – 12.30 tengahari	- Bengkel 3
12.30 – 1.30 petang	- Rehat
1.30 petang	- Pendaftaran peserta
	- Latihan Persembahan Khas
3.00 – 5.00 petang	- Majlis Perasmian Penutupan

B. Majlis Perasmian Penutupan

Masa	Acara
3.00 petang	- Semua Peserta mengambil tempat masing-masing
3.30 petang	- Ketibaan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Sabah Yang Berbahagia Datin Hajah Hairani Binti Hussaini
	- Ucapan alu-aluan Pengerusi Penganjur
	- Ucapan perasmian penutupan oleh Pengerusi PUSPANITA Cawangan Sabah Yang Berbahagia Datin Hajah Hairani Binti Hussaini
	- Penyampaian Cenderahati kepada Pengerusi PUSPANITA Cawangan Sabah oleh Pengerusi Penganjur
	- Persembahan oleh peserta-peserta bengkel
	- Hi-Tea
5.00 petang	- Majlis dijangka selesai.

BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN
(Sila kembalikan borang selewat-lewatnya sebelum atau pada 10 Oktober 2011)

Tarikh:

Urusetia
PUSPANITA Cawangan Sabah
Wisma PUSPANITA, Jalan Murai
Tanjung Aru
No. Faks: 088-241266

PENGESAHAN KEHADIRAN PROGRAM BENGKEL TARIAN BENGKEL 1MALAYSIA

Sukacita saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa penama berikut akan hadir ke Program tersebut pada 20 Oktober 2011:

BIL.	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	NO. TELEFON

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan/Pengerusi JKK PUSPANITA Cawangan Sabah)

Nama Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/JKK:.....